

**Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,
Di Upacara Melancarkan Lembaga Padi & Beras Negara (LPN)
pada 20hb. Sept. 1971, Jam 3.00 petang Di Bilek Gerakan Negara,
Kuala Lumpur.**

Lembaga Padi dan Beras Negara atau ringkasnya LPN telah ditubuhkan pada 1hb. Julai, 1971 iaitu setelah Aktanya diluluskan oleh Parlimen dalam sidanganya yang lalu. Hari ini saya sukacita mendapat peluana meresmikan pelancarannya meski pun LPN telah pun berjalan dengan rancaknya selama dua bulan

Tujuan kita menubuhkan LPN ialah untuk menvelaraskan hal-hal berkaitan dengan pengeluaran, pengilanoan dan pemasaran padi dan beras. Badan ini juga bertanggung jawab mengenai dasar-dasarnegara berhubung dengan perusahaan padi dan beras. Selama ini, tugas-tugas ini telah dijalankan oleh beberapa Kementenan dan Jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA dan Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras.

Memandang pada keadaan masa ini, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa semua tugas-tugas ini mestilah disatukan dibawah hanya satu badan sahaja dan badan ini diletakkan dibawah tanggungjawab saya sendiri.

Langkah ini adalah perlu memandangkan perubahan yang telah berlaku dalam perusahaan padi dan beras didalam dan diluar negara kita. Dato' nenek kita dahulu bertanam padi hanya untuk makan, dan apa yang lebeh ditukarkan dengan barang-barang lain yang menjadi keperluan hidup mereka. Tetapi, sekarang ini keperluan hidup kaum petani sudah pun bertambah, dan kita semua memerlukan wang ringgit untuk membeli belah. sedangkan keadaan perusahaan padi mereka maseh belum barryak berubah. Dengan kerana itu pendapatan petani-petani 'amnya tidaklah-mencukupi bagi menemui kehendak-kehendak atau keperluan hidup mereka.
Tuan-tuan sekalian.

Scmenjak kita mencapai kemerdekaan. Kerajaan telah berusaha menambahkan pendapatan petani-petani dengan berbagai cara. Kita telah mengadakan Harga Minima Yang Terjamin, perkhidmatan lanjutan pertanian, bantuan-bantuan input, dan meluaskan kemudahankemudahan parit ayer bagi penanaman dua kali setahun

Tetapi semua langkah langkah ini belumlah mencukupi untuk memberikan mereka pendapatan yang berpatutan. seimbang dengan tenaga dan titek peloh mereka. Banyak lagi masalah yang belum diatasi. Kebanyakan petanipetani mempunyai kawasan-kawasan bendang yang kecil dan tidak ekonomik, jadi tidak medapat hasil yang mencukupi. Juga kebanyakan mereka terbelenggu dengan hutang dan kena membayar sewa tanah yang tinggi berbanding dengan pendapatan mereka. Maka tidaklah hairan kenapa petani-petani pada keseluruhannya miskin dan dhaif.

Kita sekarang sedang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata yang bertujuan mem-basmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dasar ini besar ertinya didalam sektor pertanian umumnya dan perusahaan padi khususnya. kerana disitulah terdapat orang-orang kita yang miskin dan memerlukan penyusunan semula masyarakat supaya mereka merasa ne'mat dari kekayaan dan kemewahan negara.

Oleh itu, nyatalah Lembaga Padi dan Beras Negara diwujudkan sebagai salah satu alat untuk melaksanakan kedua-dua tujuan utama Dasar Ekonomi Baru itu. Lembaga ini diberikan kuasa penuh untuk menukarkan corak perusahaan padi dan beras di negara kita ini. Ahli-ahli Lembaga yang akan memulakan mesyuarat mereka hari ini memikul tugas dan tanggungjawab yang besar untuk menjayakan tujuan Kerajaan dengan membawakan perubahan-perubahan yang berkesan dalam sektor ini.

Antara tugas-tugas utamanya, LPN hendaklah mengadakan rancangan-rancangan yang lengkap dan meliputi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menukarkan corak perusahaan padi dan beras selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

Disini saya rasa eloklah saya menentukan iaitu pada jangka Panjang matlamat Kerajaan ialah untuk memastikan yang tiap-tiap satu keluarga petani mempunyai pendapatan kira kira \$300 sebulan. Untuk mencapai matlamat ini, LPN mestilah mengambil langkah-langkah segera untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang menyebabkan rendahnya pendapatan petani-petani dan daya pengeluaran mereka.

Dengan keadaan yang ada sekarang, tidak ada kemungkinan bagi mencapai matlamat pendapatan yang saya katakan tadi walau pun tanaman padi dua kali setahun berjalan dengan jayanya. Keadaan ini mustahak diubah segera.

Selain dari itu, ada beberapa lagi langkah-langkah yang mustahak dijalankan. Saya mencadangkan supaya LPN sendiri bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun seperti FAMA, Bank Pertanian dan MARDI menyusun rancangan-rancangan untuk melaksanakannya. Antara langkah-langkah yang mustahak dijalankan ialah:-

Pertama, mewujudkan atau menamakan kawasan-kawasan "jelapang padi" atau "rice bowls" di negara kita dan menumpukan segala usaha kepada kawasan-kawasan ini untuk tanaman padi dua kali setahun. Kita mustahak mengadakan bantuan input; perkhidmatan lanjutan, usaha-usaha penyelidikan; kemudahan-kemudahan simpanan, pengangkutan dan pemasaran. Segala usaha ini adalah dimaksudkan untuk menambahkan daya pengeluaran di-kawasan-kawasan ini disamping meninggikan mutu padi dan menurunkan harga pengeluarannya.

Kedua, menggalakkan petani-petani diluar kawasan 'designated rice bowls' yang biasanya bertanam sekali setahun bertanam tanaman-tanaman di luar musim, seperti jagong, sekoi dan tembakau, dan juga menternak. Usaha-usaha yang sama seperti penyelidikan, kemudahan-kemudahan simpanan, pengangkutan dan pemasaran hendaklah dijalankan juga. Dibawah Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan memberi bantuan benih, racun serangga dan alat-alat perkakas bagi jenis-jenis tanaman yang saya sebutkan itu.

Oan ketiga ini saya rasa penting sekali menggalakkan petani-petani yang berlebihan di kawasan-kawasan padi, sama ada di kawasan-kawasan 'rice bowls' atau pun di kawasan-kawasan yang bertanam sekali setahun supaya berpindah keluar memasuki lapangan baru seperti lapangan perdagangan dan perniagaan atau pun memasuki rancangan-rancangan tanah Kerajaan.

Langkah keempat ialah mengadakan rancangan-rancangan bagi membolehkan petani-petani membeli dan membesarkan lagi tanah sawah mereka supaya menjadi economic holding dan dapat mengeluarkan hasil yang mencukupi.

Saya percaya langkah-langkah ini dapat menjamin ke arah matlamat jangka panjang pendapatan purata petani \$300 sebulan.

Tuan-tuan,

Dalam melaksanakan langkah-langkah yang saya sebutkan itu, kita hendaklah sentiasa ingat akan tuntutan-tuntutan petani dan juga orang ramai dalam kehidupan mereka sehari-hari. Lembaga hendaklah memastikan harga padi dan juga beras yang berpatutan dan stabil untuk petani-petani dan juga bagi pengguna-pengguna.

Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus memberi jaminan harga yang minima kepada petani-petani

Pihak Lembaga mestilah melaksanakan harga yang terjamin dengan bijak dan tidak menaikkan harga beras kepada pengguna-pengguna. Ini mustahak dijaga oleh kerana kemiskinan juga terdapat dikalangan kaum buruh dan nelayan, pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil dalam bandar.

Dalam tugasnya yang baru ini. Lembaga akan menguasai semua simpanan-simpanan beras Kerajaan atau stockpile, dan bertanggung jawab bagi menggunakan alat yang sangat penting ini untuk mencapai tujuan-tujuannya. Lembaga juga bertanggung jawab tentang penggunaannya dimasa-masa kecemasan seperti dalam masa banjir.

Tuantuan sekalian.

Rasanya tak perlu ditegaskan lagi, maksud Kerajaan ialah untuk memberi pendapatan dan taraf hidup yang tinggi kepada petani petani kita. Tujuan-tujuan ini tidak akan tercapai sekiranya Lembaga tidak mengawal dalam dua juruan: pertama. pengeluaran padi yang berlebihan, dan kedua. penyeludupan padi dan beras ke Malaysia.

Dalam perkara pengeluaran padi, seperti yang telah saya katakan dimasa-masa yang lepas, Kerajaan telah menentukan iaitu Malaysia hendaklah menghadkan pengeluaran berasnya sebanyak 90% sahaja daripada keperluan dalam negeri. Pada pendapat saya. inilah peratusan yang praktikal untuk memberi pendapatan yang saksama kepada petani-petani dengan jaminan Kerajaan atas harga minima itu.

Tetapi ini tidaklah bermahana bahawa tiap-tiap seorang petani terhad mengeluarkan 90 peratus sahaja. Kita mahu mereka bekerja dengan giat lagi, terutamanya petani-petani dikawasan-kawasan padi dua musim di mana Kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit membena parit dan tali ayer. Tetapi. pada keseluruhannya, negara kita hendaklah mengeluarkan 90 peratus sahaja daripada beras yang diperlukan.

Untuk mencapai matalamat ini, Kerajaan hanya menitek-beratkan kemudahan-kemudahan bertanam dua kali setahun di kawasan-kawasan padi yang ada sekarang dan tidak akan membuka kawasan-kawasan baru Kerajaan akan memberi galakan-galakan kepada petanipetani bertanam tanaman-tanaman yang lain daripada padi di kawasan-kawasan luar yang boleh mendatangkan cash income seperti jagong, tembakau dan kacang.

Penyeludupan padi dan beras ke negara kita ialah satu penyakit yang mustahak di cegah kerana ianya melumpuhkan usaha usaha kita hendak mencapai matlamat meninggikan pendapatan dan taraf hidup petani-petani.

Lembaga berkuasa penuh bagi menghapuskan penyeludupan padi dan beras ke negara kita. Kuasa-kuasa ini termasuklah kuasa memasoki kawasan-kawasan rumah, menahan, menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa. Saya sukacita langkah langkah tegas telah pun dijalankan oleh Lembaga dalam dua bulan ia ditubuhkan.

Lembaga hendaklah menggunakan kuasa kuasa ini dengan tegas dan adil. Kerajaan akan memberi sepenuh-penuh sokongan atas usaha usaha Lembaga bagi menghapuskan penyeludupan-penyeludupan padi dan beras itu. Saya juga mengarahkan semua Jabatan Kerajaan terutamanya pihak Polis dan Kastam untuk menyokong dan bekerjasama dengan Lembaga dalam tugas pentingnya ini.

Akhirnya. saya suka menyatakan disini kepercayaan yang penuh terhadap kebolehan dan kebijaksanaan ahli-ahli Lembaga dibawah pimpinan Pengerusinya. Y.B. Tan Sri Dato' Syed Nasir Ismail. Saya percaya tuantuan akan menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing dengan penuh semangat dan keazaman.

Saya mengucapkan selamat berjaya!